

PENGARUH PEMODENAN TERHADAP SISTEM PANGGILAN DALAM KELUARGA MELAYU

Raja Masittah Raja Ariffin

Abstrak

Makalah ini memaparkan sejauh mana pemodenan dan globalisasi memberi kesan terhadap sistem panggilan dalam keluarga Melayu. Didapati pemudaran kata panggilan dalam keluarga Melayu dapat dicirikan oleh jantina, umur, lokasi, tempat asal keluarga, pendidikan ibu bapa, status keluarga, dan jumlah anak dalam keluarga, berdasarkan kajian terhadap 1500 responden di sebuah universiti tempatan. Didapati penggunaan kata panggilan dalam keluarga Melayu mulai cair dan semakin pudar dalam persekitaran semasa.

Abstract

This article describes the extent of modernisation and globalisation on the usage of terms of address in the Malay family. It is found that the decrease in the usage of the terms of address are characterized by sex, age groups, location, family origin, formal educational training, parent's occupation, family status, and the number of children in the family, based on a research on 1500 respondents in a local university. It is also found that the usage of the terms of address in the Malay family is becoming less effective and increasingly faded away in the present environment.

PENGENALAN

Pemodenan dan globalisasi kerap dibincangkan dan dikaitkan dalam era teknologi maklumat hari ini. *Kamus Dewan* (1976:701, Edisi Baru 1989:832) mentakrifkan 'moden' sebagai satu situasi masa kini, yang terbaharu, atau

mutakhir. Pemodenan membawa makna perihwal memodenkan atau menjadi moden atau pembaharuan; sementara modenisme atau pemodenan pula ialah pandangan atau kaedah yang terutamanya berkaitan dengan mempermudah kepercayaan agama yang tradisional selaras dengan pemikiran semasa (moden), atau pemodenan. Oleh itu, pemodenan berkaitan dengan proses memindahkan nilai yang bersifat tradisional kepada nilai hidup masa kini. Idea ini sejajar dengan hal yang dikemukakan oleh Alisjahbana (1974:16) tentang pemodenan sebagai situasi yang tidak lain daripada menjadikannya moden dan bererti situasi yang berkaitan dengan masa kini yang dianggapnya tidak jelas dan bersifat taksa. Menurutnya lagi, implikasi utama tentang berlakunya perubahan bahasa terhadap perhubungan sosial dan perubahan budaya adalah disebabkan oleh ketidakstabilan penggunaan ganti nama Indonesia moden yang mencerminkan sikap keliru tentang hubungan sosial dalam kalangan mereka. Jika dikaitkan dengan konsep pembaharuan pula maka pemodenan merupakan tahap bermulanya proses pemodenan seperti yang pernah berlaku dalam Revolusi Perancis, hasil kemuncak yang didukung oleh proses sains, ekonomi dan revolusi teknologi disertai oleh revolusi politik.

Pemodenan bahasa di rantau ini bermula pada abad ke-20 apabila budaya Barat dan negara di rantau ini beransur-ansur menjadi lebih intensif, seperti juga bahasa Melayu pada awal abad lalu telah mengalami pemodenan yang menyerlahkan konsep dan idea yang berorientasikan dunia moden ke arah sains, ekonomi dan teknologi. Untuk memahami konsep pemodenan bahasa di rantau ini, khususnya bahasa Melayu moden, kita harus terlebih dahulu menganalisis proses pemodenan sosial dan budaya. Proses pemodenan menyerlahkan hampir setiap aspek kehidupan sosial dan budaya dan manifestasinya dalam pelbagai bentuk. Pemodenan juga membabitkan perubahan cara berfikir yang memberi kesan dalam perubahan konfigurasi nilai budaya. Pemodenan boleh dikaitkan dengan beberapa istilah seperti pengindustrian yang menganjak paradigma daripada ekonomi pertanian kepada ekonomi berdasarkan industri pengeluaran secara besar-besaran. Demikian juga dengan istilah urbanisasi yang pergerakan manusia dari desa ke bandar dengan lebih bersifat individualistik, rasional dan cara hidup dan cara berindustri. Sekularisasi juga merupakan istilah yang berkaitan dengan pemodenan yang mengemukakan penganjakan secara menyeluruh dalam orientasi sosial dan budaya. Kebanyakan negara di Asia dan Afrika masih berusaha menyesuaikan diri mereka dengan konsep sosial dan budaya serta idea Barat yang ditentukan oleh sains, ekonomi dan teknologi meskipun telah merdeka. Ini merupakan satu fakta yang menarik dalam liberasi.

Masyarakat yang terbina seiring dengan pemikiran Barat yang dikatakan moden telah menular di sekolah dari peringkat rendah hingga ke peringkat universiti yang diatur dan diuruskan berdasarkan konsep moden yang sama dengan Barat.

Pemodenan lazimnya dihubungkan dengan globalisasi. Soal globalisasi juga kerap dibincangkan dari sudut ilmiah dan begitu popular dalam kalangan para akademik. Profesor Madya Nor Hashimah (2001) mendefinisikan globalisasi sebagai dunia tanpa sempadan yang memberikan kesan kepada nilai, terutamanya cara berfikir dan cara bertindak, dapat dipindahkan secara bebas dan cepat dari satu daerah ke satu daerah dunia yang lain. Perpindahan yang paling ketara dalam proses globalisasi ialah perpindahan nilai dunia Barat terutamanya Amerika Syarikat ke dunia bukan Barat yang menyisihkan pengaruh agama dan warisan tradisional negara sasaran. Antaranya ialah persaingan dalam persamaan hak antara lelaki dan wanita, tanpa mengira jantina yang sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kecairan penggunaan bahasa dan budaya tempatan, khususnya masyarakat Melayu di Malaysia.

Bukti-bukti pemodenan dan globalisasi sebagai ejen perubahan terhadap bahasa dan budaya Melayu turut dibincangkan oleh Dr. Noriah Mohamad dalam kertas kerjanya yang bertajuk, "Kesan Globalisasi terhadap Bahasa". Kertas ini telah mengulas pentingnya bahasa Melayu dalam menangani arus globalisasi dengan memetik kenyataan Henriot tentang dua belas perkara yang menjadi asas kesan globalisasi, iaitu ideologi kapitalisme neoliberal, kejatuhan politik dwipolar dunia, inovasi teknologi maklumat, pasaran kewangan dan buruh, pengkorporatan transnasional, institusi kewangan antarabangsa dan kumpulan penderma, cabaran terhadap alam sekitar, kesan budaya, jenayah dan penyeludupan dadah, perdagangan tentera, dan jurang antara yang kaya dengan yang miskin. Noriah menegaskan bahawa aspek inovasi teknologi komunikasi merupakan aspek yang paling menonjol yang memberikan kesan kepada bahasa. Dalam hal ini bahasa Inggeris telah digunakan dalam teknologi komunikasi dan fenomena ini memberikan cabaran dan tamparan hebat kepada nilai bahasa Melayu. Kesan daripada penguasaan bahasa Inggeris dalam teknologi komunikasi ini bukan sahaja akan menggugat kedudukan bahasa Melayu malahan menular ke dalam budaya Melayu juga.

Teo Kok Seong juga membicarakan linguistik bahasa Melayu terutamanya tentang pembentukan istilah teknologi maklumat seperti daripada *e-mail* kepada e-mel, daripada *e-commerce* kepada e-dagang, daripada *k-economy* kepada k-ekonomi, daripada *k-worker* kepada k-pekerja

dan sebagainya. Dalam penjelasannya, didapati bahawa hasil daripada fenomena ini, bahasa Melayu telah menjadi bahasa rendah, iaitu bahasa pasar dan bukan sebaliknya kerana perkataan *knowledge* tetap digunakan walaupun kita telah mempunyai perkataan ilmu. Selain itu, Mohd. Fazli (1999:53-4) ada menulis kesan globalisasi terhadap bahasa dan budaya dalam makalahnya yang berjudul "Amerikanisasi dan Masa Depan Budaya Tempatan" yang menyerlahkan fenomena *McWorld* yang memukau dunia dengan konsepsi integrasi budaya dan keseragaman muzik Ricky Martin. Senario yang sedemikian rupa telah meruntuhkan nilai budaya tradisi dan akhirnya nilai murni tradisi seperti hidup kekeluargaan, komuniti, keharmonian, dan seumpamanya tewas apabila bertembung dan menghadapi nilai yang dikomunikasikan menerusi muzik, video, kabel, komputer, televisyen satelit, iklan, dan ahli sukan.

Makalah ini seterusnya akan melihat sejauh mana pemodenan dan globalisasi mempengaruhi penggunaan bahasa dan budaya Melayu di Malaysia khususnya dalam sistem kata panggilan dalam keluarga Melayu (KPKM). Statistik yang terkumpul akan membuktikan sejauh mana masyarakat Melayu mampu menangani arus ini atau terhanyut dengan budaya baru sebagaimana yang diterangkan sebelum ini.

PENGARUH PEMODENAN DAN GLOBALISASI TERHADAP PENGGUNAAN KATA PANGGILAN KELUARGA MELAYU (KPKM)

Berdasarkan data yang terkumpul hasil penyelidikan yang telah dijalankan terhadap 1500 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun satu pada sesi 2000/2001 Universiti Kebangsaan Malaysia, ternyata pemodenan dan globalisasi mempengaruhi penggunaan kata panggilan dalam keluarga Melayu. Pemudaran KPKM adalah kesan daripada pemodenan dan globalisasi yang dicirikan oleh beberapa faktor, iaitu:

Jantina

Pelajar wanita yang bekerja dan berpendidikan tinggi dan mempunyai pengetahuan pelbagai bahasa selain bahasa Melayu seperti bahasa Inggeris, Cina dan Tamil, dan bahasa lain di samping andaian perkahwinan campur antara Melayu dengan keturunan bukan Melayu telah mempengaruhi penggunaan KPKM. Sebanyak 68% pelajar wanita mewakili kategori ini dengan peratusan sebanyak 20.8% seperti dalam Jadual 1 yang mengguna-

Jadual 1 Panggilan kepada Ibu.

Bil.	Panggilan	Kekerapan	Peratus	Peratus sah
1.	Emak / mak / mok	1062	70.8	71.3
2.	Ibu	32	2.1	2.1
3.	Mama / mummy / ma / mum	310	20.7	20.8
4.	Ende	3	0.2	0.2
5.	Umi	45	3.0	3.0
6.	Mek	23	1.5	1.5
7.	Cik / Cek	9	0.6	0.6
8.	Encik	1	0.1	0.1
9.	Wan	2	0.1	0.1

kan panggilan *mummy* dan *mum*; *umi*, dan *mama*.

Panggilan *mummy* dan *mum* adalah pengaruh Barat, yang berpunca daripada keluarga yang ibunya berketurunan bukan Melayu ataupun keluarga tersebut terlalu berminat untuk menggayakan hidup cara Barat

Jadual 2 Panggilan kepada Bapa.

Bil.	Panggilan	Kekerapan	Peratus	Peratus sah
1.	Bapa	65	4.3	4.4
2.	Abah	642	42.8	43.4
3.	Ayah / Ayoh	580	38.7	39.1
4.	Papa	48	3.2	3.2
5.	Babah	22	1.5	1.5
6.	Bapak	75	5.0	5.1
7.	Walid	1	0.1	0.1
8.	Daddy	10	0.7	0.7
9.	Abuya	3	0.2	0.2

Sambungan Jadual 2

Bil.	Panggilan	Kekerapan	Peratus	Peratus sah
10.	Aki	1	0.1	0.1
11.	Encik	3	0.2	0.2
12.	Wan	7	0.5	0.5
13.	Ata	1	0.1	0.1
14.	Chik	17	1.1	1.1
15.	Bak	5	0.3	0.3
16.	Abi	1	0.1	0.1

dengan mengubah panggilan dalam keluarga Melayu daripada cara Melayu kepada cara panggilan Inggeris. Mama merupakan panggilan umum dan universal sifatnya dalam kalangan semua bangsa bukan sahaja di Malaysia malahan di luar negara seperti di Indonesia. Panggilan *umi* pula digunakan dalam keluarga Melayu yang berpendidikan Timur Tengah atau pengaruh Arab yang merangkum hanya 3.0% sahaja. Walau bagaimanapun, 71.3% keluarga tetap mengekalkan panggilan warisan, iaitu emak/mak/mok.

Senario yang sama juga berlaku terhadap panggilan kepada bapa yang menampakkan jenis panggilan yang berbagai-bagai, iaitu 4.3% dengan pecahan panggilan seperti *daddy* (7%), *papa* (3.2%), *abi* (0.1%), *walid* (0.1%), dan *abuya* (0.1%) seperti dalam Jadual 2.

Panggilan *papa* adalah pengaruh bahasa Cina, dan *daddy* pula pengaruh daripada Barat; sementara *abi*, *abuya*, dan *walid* adalah pengaruh daripada Arab.

Panggilan dalam kalangan adik-beradik juga memperlihatkan beberapa pengaruh pemodenan dan globalisasi seperti panggilan *baby* (0.2%) kepada adik lelaki kedua dan ketiga, keempat dan kelima dalam keluarga Melayu moden. Demikian juga dengan panggilan nama sahaja, iaitu sebanyak 13.9%. Walaupun peratusannya rendah tetapi lama-kelamaan kesan daripada pemodenan akan memudahkan sistem KPKM. Timbulnya kata panggilan yang pelbagai ini adalah berpunca daripada sikap keterbukaan golongan ibu bapa yang terdedah dengan pelbagai kemajuan persekitaran sama ada dari sudut pendidikan luar, pengaruh media elektronik, mencari prestij diri dan keluarga, dan menginginkan kelainan dalam kehidupan sosial dan kekeluargaan yang dianggap moden. Selain itu, terdapat panggilan yang

sedemikian disebabkan oleh keluarga yang mempunyai jumlah adik-beradik yang sedikit di samping kesan ikut-ikutan panggilan oleh ibu dan bapa, seperti contoh perbualan di bawah ini:

A : *I* ada dua beradik sahaja. *Brother and myself* ... dua orang. Dia sebut diri dia ... abang. Tetapi di rumah tu, sebab dia tak de adik-beradik lain, tak de siapa yang panggil abang. Jadi *I* tak biasa panggil dia abang. Sebab bila dari kecil, kita selalu sebut Remy... Remy. Jadi *I* pun sebut panggil dia Remy, memang tak lekat panggil dia abang. Dia sebut diri dia abang. Sebut *my father* ... ayah, *my mother* ... mamalah.

B : Moden sikitlah ye ni.

A : Ha..moden. Atuk belah *my father side* ... *my grandfather*, bapak ... ayah punya *father*. *I* panggil bapak... *just like my father* panggil ... sebab kita kat sana *very close*. Jadi semua orang panggil bapak, *I* pun panggil bapak. *I* tak panggil tok sebab *I never got a chance* jumpa *my grandmother*....

Panggilan kepada datuk sebelah ibu atau bapa ternyata dalam pelbagai variasi tetapi masih dapat dipertahankan KPKM, seperti datuk/atuk/tok dengan 624 kekerapan (46.7%), diikuti oleh tok wan dengan 225 kekerapan (16.9%). Demikian juga dengan panggilan kepada nenek sebelah bapa, iaitu datuk/atuk/nek yang mencapai 577 kekerapan (43.1%) dan diikuti oleh panggilan nenek dengan 228 kekerapan (17.0%). Walaupun demikian, dalam pelbagai variasi panggilan tersebut, terdapat juga responden yang menggunakan panggilan *grandpa* (0.1%) disebabkan oleh pengaruh bahasa Inggeris; dan panggilan *ata* (0.1%) yang berkemungkinan kesan daripada pengaruh India. Demikian juga dengan panggilan *grandma* (0.1%) akibat pengaruh Barat; panggilan *nana/nani* (0.3%) kesan pengaruh India; *yeni* (0.1%) dan panggilan *mama* untuk nenek sebanyak 0.4%.

Peringkat Umur

Dari sudut umur, generasi baru telah menerima pendidikan lebih terbuka sama ada di peringkat pendidikan rendah, menengah, dan tinggi. Sejak kecil mereka telah didedahkan dengan sistem sosial dan keluarga moden, di samping pergaulan dengan rakan sebaya daripada keturunan lain yang lebih berfikiran terbuka, iaitu mudah menerima sesuatu yang baru dan dianggap moden dan global penggunaannya seperti penggunaan kata panggilan *mama* dan *papa*; serta *mummy* dan *daddy*. Dengan kata lain, mereka mudah menerima perubahan sosial. Kekerapan 1008 yang mewakili umur

responden di antara 16–20 tahun (69%) dan 28.2% mewakili mereka yang berumur di antara 21–25 tahun. Generasi ini telah mula merubah sistem panggilan dalam keluarga Melayu secara beransur-ansur jauh daripada sistem KPKM tradisional.

Lokasi

Berdasarkan statistik, sebanyak 888 kekerapan yang mewakili 62.5% responden tinggal di luar bandar berbanding dengan 532 orang yang mewakili 37.5% tinggal di bandar. Statistik ini bersesuaian dengan perubahan KPKM. Statistik ini menggambarkan bahawa responden yang tinggal di bandar atau di negeri yang dekat dengan pentadbiran negara seperti di Wilayah Persekutuan (panggilan dengan nama sahaja bermula dari adik-beradik keempat dan berikutnya); Selangor (panggilan nama sahaja bermula dari adik-beradik ke-10 dan berikutnya); dan Pulau Pinang sebanyak 100% memanggil dengan nama sahaja bermula dari adik-beradik ke-4 dan berikutnya. Responden dari negeri yang mempunyai komposisi bangsa yang berlainan menampakkan pemudaran sistem KPKM. Fenomena ini dapat dilihat melalui peratusan kata panggilan dalam kalangan adik-beradik; panggilan adik/kakak dan adik + nama; panggilan + nama / *auntie* dan *uncle*. Data ini telah disokong oleh beberapa temu bual yang telah dipetik daripada rakaman audio yang dibuat oleh kumpulan penyelidik seperti yang berikut:

- B : Dia orang lain, panggil *auntie* ... dia tak mahu mak uda ... ketinggalan.
 A : Dia tak nak panggil mak uda Chak ... banyak kelebihannya.
 B : Dia panggil *auntie* Jah.
 A : Habis tu laki dia.
 B : *Uncle*.

Pemodenan juga mempengaruhi sistem panggilan dalam kalangan adik-beradik, khususnya keluarga yang tinggal di lokasi yang menerima pembangunan dan pemodenan bandar seperti di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Kedah yang berbeza dengan sistem panggilan dalam kalangan adik-beradik dalam keluarga Melayu di Johor, Negeri Sembilan, Perak, Perlis dan Pahang yang masih mengekalkan sistem KPK seperti along, ngah, uda, dan sebagainya. Dengan kata lain, bagi keluarga Melayu yang tinggal di bandar ternyata penggunaan KPKM semakin menipis berbanding dengan keluarga yang tinggal di luar bandar. Fenomena ini dapat disokong oleh temu bual di bawah ini:

- A : Mungkinkah cikgu rasa dengan generasi muda akan datang ni, panggilan-panggilan tadi akan pupus atau masih lagi mereka amalkan panggilan dalam keluarga Melayu kita.
- B : Itu rasa terpolung pada penggunaannya. Sebelah ke arah kampung atau bandar kecil, dia akan kekal. Sebab orang tua saya ialah sedapnya. Orang ke bandar sikit, dia panggil mummy, daddy aje, *uncle*, *auntie*. Saya ada sorang panggil *uncle*, dia tak kena panggil *uncle*. Saya panggil pak cik. Sayid-sayid dia apa nama. Saya tahu yang panggil *uncle* saya orang bandar. Dia hormat saya sebagai *uncle*.

Selain wujudnya panggilan nama sahaja dalam kalangan adik-beradik dalam keluarga Melayu, terdapat juga panggilan abang/kakak atau adik yang diikuti dengan nama pada beberapa buah negeri seperti di Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu dan Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, Sabah dan Sarawak memperlihatkan penggunaan sistem panggilan yang tersendiri. Demikian juga di Kelantan yang turut mempunyai KPKM yang tersendiri dan tidak menyamai sistem KPKM yang lain.

Selain adik-beradik, panggilan kepada ibu dan bapa saudara juga telah mengalami perubahan seperti panggilan 'auntie' dan 'uncle' dan panggilan hormat yang diikuti oleh nama ibu atau bapa saudara yang berkaitan. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa fenomena pemodenan dan globalisasi mempengaruhi sistem KPKM di Selangor, Melaka, Johor, dan Wilayah Persekutuan. Di Kedah misalnya, panggilan nama sahaja digunakan oleh seorang anak saudara kepada ibu saudaranya yang kedudukannya ke-9 dan ke-10 dalam urutan keluarga sebelah ibu. Demikian juga dengan panggilan kepada bapa saudara oleh anak saudara dengan panggilan nama sahaja.

Tempat Asal Bapa

Tempat asal bapa juga mempengaruhi KPKM. Hal ini dapat dilihat melalui statistik yang menunjukkan bahawa negeri Selangor mempunyai 86 kekerapan (6.8%) berdasarkan 15 kategori; sementara Kelantan 447 kekerapan dengan 35.1%, iaitu yang paling tinggi; Perak 197 (15.5%) dan Johor 154 (12.1%). Mereka yang berasal dan menerima pendidikan di bandar besar seperti di Pulau Pinang kekerapan sebanyak 63 kekerapan dengan 4.9%; di Wilayah Persekutuan mencapai 6.5% dan terdapat juga golongan bapa responden yang berasal daripada luar negara dengan andaian kesan perkahwinan campur yang mencapai 14 kekerapan dengan 1.1%. Walaupun jumlahnya begitu kecil tetapi masih menyumbang kepada pemudaran sistem KPKM.

Tempat Asal Ibu

Tempat asal ibu juga mempengaruhi sistem KPKM seperti yang berlaku kepada pihak bapa. Bagi responden yang ibu masing-masing berasal dari bandar yang terletak di negeri yang penuh dengan kemajuan fizikal dan sosial, contohnya di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur terdapat 12 kekerapan dengan 0.8%, Pulau Pinang 59 kekerapan dengan 3.9% dan Selangor 85 kekerapan dengan 5.7% dan luar negara 10 kekerapan dengan 0.7%. Peratusan yang ditunjukkan walaupun kecil tetapi jelas menunjukkan fenomena ke arah pemudaran penggunaan KPKM kesan daripada pengaruh bahasa asing dalam pertuturan sehari-hari dalam keluarga.

Pendidikan Bapa

Selain pendidikan tidak formal dan moden di rumah yang menyumbang kepada pemudaran sistem panggilan tradisional kepada bapa, ibu, peringkat ibu saudara atau bapa saudara, pendidikan formal yang diterima oleh ibu bapa juga banyak mempengaruhi sistem panggilan dalam keluarga Melayu. Menurut statistik, golongan bapa yang memiliki ijazah menunjukkan 118 kekerapan dengan 8.4% manakala yang berpendidikan setakat STPM sebanyak 144 kekerapan dengan 10.2% yang peratusan ini menyumbang kepada pemudaran sistem KPKM berbanding dengan golongan bapa yang berpendidikan sekolah rendah, iaitu sebanyak 640 kekerapan dengan 45.4% yang masih mengekalkan sistem kata panggilan dalam keluarga mereka.

Pendidikan Ibu

Sebagaimana fenomena yang ditunjukkan oleh statistik untuk bapa di atas, fenomena yang serupa turut berlaku kepada pendidikan informal dalam kalangan golongan ibu dalam keluarga mereka khususnya dalam sistem KPKM. Golongan ibu yang berpendidikan tinggi sehingga mencapai ijazah merangkumi 50 kekerapan dengan 3.6% dan yang memiliki STPM sebanyak 89 dengan 6.4%. Sebagai pendidik kepada anak di rumah, ibu memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi dan sikap anak-anak ke arah keharmonian dan keakraban dalam keluarga, termasuklah dalam sistem panggilan dalam kalangan adik-beradik, panggilan kepada kedua-dua ibu bapa, panggilan kepada peringkat ibu saudara dan bapa saudara dan kepada generasi yang lebih tua dalam keluarga seperti datuk dan nenek. Pelestarian nama panggilan ini bergantung pada sejauh mana ibu dan bapa merangsang anak mereka meneruskan tradisi sistem KPKM. Senario ini berbeza dengan

ibu yang berpendidikan hanya sekolah rendah yang menunjukkan 726 kekerapan dengan 45.4% yang tetap mengekalkan dan masih menebal sistem panggilan dalam keluarga Melayu.

Kategori Pekerjaan/Pendapatan Bapa dan Ibu

Pekerjaan dan pendapatan bapa turut mempengaruhi pemudaran sistem panggilan dalam keluarga Melayu berasaskan statistik yang dikemukakan bahawa sebanyak 1028 kekerapan dengan 77.6% responden terdiri daripada anak yang mempunyai bapa yang bekerja dengan kerajaan dengan pendapatan melebihi RM2500 (7.4%); dan antara RM2001 – RM2500 yang mewakili 3.4% sementara sebagai pendidik hanya merangkum 296 kekerapan dengan 22.4%; dan pendapatan antara RM500.00 – RM1000 sebanyak 971 kekerapan dengan 70%. Demikian juga dengan kedudukan ibu yang lebih tinggi sebagai pegawai kerajaan dengan 622 kekerapan (83.8%) dan pendapatan melebihi RM2500 dengan 5.3% dan sebanyak RM2001–RM25 000 (6.0%). Golongan ibu yang bekerja sebagai pendidik ialah 120 kekerapan dengan 16.2%. Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa golongan ibu bapa daripada golongan pegawai kerajaan dan pendidik paling menonjol dan golongan profesional hanya 0.1%. Pada umumnya jumlah yang kecil ini menjadi penyumbang kepada pemudaran sistem panggilan dalam keluarga Melayu, selain golongan lain yang mudah berubah ke arah pemodenan dari sudut cara berfikir dan cara hidup sehari-hari yang terdedah kepada pelbagai arus kemajuan dan pemodenan.

Jumlah Anak dalam Keluarga

Berdasarkan statistik, keluarga yang bermastautin di bandar lazimnya terdiri daripada keluarga yang bekerja dan sebahagian besarnya berkhidmat dengan kerajaan, dari golongan profesional yang berpendapatan tinggi dan sederhana tinggi dan biasanya mempunyai keluarga yang kecil dengan sedikit bilangan anak dalam keluarga. Banyak atau sedikitnya jumlah anak dalam keluarga mempengaruhi KPKM tersebut. Keluarga yang besar dengan jumlah anak yang ramai seperti yang terdapat dalam kalangan keluarga di kawasan desa dan di negeri yang tidak begitu mengejar kemajuan material, lazimnya terus mengekalkan sistem panggilan dalam keluarga Melayu kerana selama ini polanya telah wujud dalam masyarakat Melayu. Sebagai contohnya, dalam masyarakat Melayu di Sumatera Timur, sebuah keluarga yang ideal yang dianggap sempurna ialah keluarga

yang mempunyai sembilan orang anak yang setiap anak itu telah ada sistem panggilannya mengikut peringkat masing-masing. Siregar (2000:174–5) menyatakan bahawa pengaruh bahasa Melayu pada sikap budaya Melayu Sumatera Timur dapat dilihat antara lain pada sistem kekerabatan dalam susunan kekeluargaan yang digunakan oleh mereka. Masyarakat Melayu Sumatera Timur menandai kedudukan seseorang di tengah keluarganya dengan kata sulung atau lung untuk yang tertua, ngah untuk yang kedua atau tengah, alang (ketiga), uda (keempat), utih (kelima), andak (keenam), anjang (ketujuh), itam (kelapan) dan ucu, iaitu bungsu (kesembilan). Fenomena seumpama ini tidak wujud di bandar kerana keluarganya kecil yang hanya terdiri daripada seorang, dua orang atau yang paling tinggi hanya tiga orang. Kesan daripada para isteri atau ibu yang bekerja dengan komitmen yang pelbagai dalam keluarga dan pejabat menghadkan keluarga mempunyai anak yang ramai dalam keluarga. Anak yang pertama biasanya dipanggil abang sahaja seperti yang dipaparkan dalam statistik dan anak kedua dipanggil nama sahaja atau panggilan adik sahaja. Statistik menunjukkan bahawa Johor merupakan negeri yang paling tinggi jumlah anak dalam sesuatu keluarga, iaitu 352 kekerapan dengan 23.5%.

IMPAK NEGATIF

Berdasarkan statistik tentang sistem KPKM di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang telah dikemukakan sebelum ini, ternyata banyak impak negatif daripada impak positif yang dapat kita lihat. Impak positif yang ketara ialah sikap terbuka dalam kalangan generasi muda dan antara impak negatif terhadap sistem KPKM yang ketara adalah seperti yang berikut:

Bahasa dan Budaya Melayu

Bahasa dan budaya tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Melayu kerana bahasa adalah sebahagian daripada budayanya. Bahasa bukan sekadar alat pertuturan sehari-hari malahan merangkum aspek budaya Melayu itu sendiri, termasuklah adat resam kehidupan, falsafah, amalan beragama, dan cara hidup orang-orang Melayu. Oleh sebab itu timbulnya pepatah Melayu, “Bahasa Jiwa Bangsa” yang menjelaskan bahawa bahasa merupakan teras dalam kehidupan budaya Melayu. Pupus bahasa bermakna pupuslah bangsa Melayu. Jika diperhatikan dari sudut sistem panggilan dalam keluarga Melayu, ternyata penggunaan sistem KPKM ini masih dapat dipertahankan

terutamanya keluarga Melayu yang tidak begitu terdedah kepada konsep pemodenan dan globalisasi yang berlaku pada hari ini, tetapi situasi semakin berubah kepada keluarga moden Melayu yang tinggal di bandar, berpendidikan Barat atau berpendidikan asing yang dikelilingi oleh persekitaran yang asing. Fenomena ini lama-kelamaan, bukan sahaja boleh memudahkan sistem KPKM, malahan boleh membawa kepada kepupusan jika tidak dikawal dengan sewajarnya.

Panggilan Tradisional

Kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu sebenarnya penuh dengan falsafah yang tercermin melalui pengucapan tradisional yang dengan sendirinya dapat menggambarkan pemikiran masyarakatnya. Kata-kata tradisional yang diucapkan, khususnya panggilan tradisional dalam kalangan keluarga yang rapat bukan sekadar panggilan sesuka hati tetapi panggilan tersebut memberikan makna yang tersirat untuk tujuan yang tertentu. Wujudnya sistem KPKM sama ada dalam kalangan adik-beradik, panggilan kepada ibu dan bapa sendiri, mahupun pangkat ibu atau bapa saudara, apatah lagi panggilan kepada generasi yang lebih tua seperti datuk dan nenek, masing-masing mempunyai fungsi yang tersendiri. KPKM dapat menunjukkan peringkat atau urutan keluarga, misalnya dalam kalangan adik-beradik yang dianggap sebagai generasi muda, wujudnya KPKM seperti along bagi anak yang paling tua dalam adik-beradik, atau yang sulung; manakala anak yang kedua dianggap sebagai anak yang kedudukannya berada di tengah di antara yang sulung dan yang ketiga dipanggil ngah. Demikian juga dengan uda yang bermaksud muda daripada yang kedua; utih yang bukan kerana kulitnya putih tetapi kerana kedudukannya yang kelima dalam keluarga; begitu juga dengan itam yang bukan kerana kulitnya hitam tetapi kedudukannya yang kelapan dalam urutan adik-beradiknya. Demikianlah falsafah di sebalik KPKM. Jika sistem KPKM tidak lagi diamalkan, bererti sistem ini akan semakin pudar penggunaannya.

Budi Melayu

Masyarakat Melayu terkenal dengan budi Melayunya yang jelas terserlah dalam sistem KPKM. Sistem kata panggilan dalam keluarga Melayu digunakan terhadap warga tua atau peringkat satu generasi seperti ibu dan bapa dan apatah lagi kepada dua generasi ke atas seperti datuk dan nenek. KPKM dalam kalangan adik-beradik juga diamalkan. Panggilan-panggilan tersebut diajar dan diterapkan dalam pemikiran anak-anak supaya

menimbulkan rasa hormat terhadap orang yang kedudukannya lebih tua dalam urutan keluarga Melayu seperti along bagi abang yang tua dalam keluarga; ibu atau emak, bapa atau ayah; mak long dan pak long, datuk dan nenek. Semua KPKM ini amat penting bukan sahaja untuk menimbulkan tanda hormat kepada keluarga yang tua malahan mengekalkan keharmonian dan kemesraan dalam keluarga. Jika KPKM ini tidak lagi diamalkan dalam kehidupan sehari-hari, bermakna hilanglah rasa hormat antara generasi muda dan tua dan seterusnya lenyaplah budi Melayu yang selama ini amat kita sanjung tinggi dan kita banggakan, dan yang tidak terdapat dalam sistem kata panggilan masyarakat di Barat. Berdasarkan statistik yang diperoleh, ternyata sistem KPKM masih dapat dipertahankan, iaitu sebahagian besar peratusan menyebelahi sistem KPKM. Peratusan ketidakakuran terhadap sistem ini relatif kecil apabila ada dalam kalangan keluarga Melayu moden yang memanggil abang atau kakak dengan panggilan nama sahaja; dan panggilan 'baby' bagi adik yang muda dalam urutan keluarga; begitu juga dengan panggilan mama, mummy, mum, umi bagi menggantikan panggilan kepada ibu atau emak; dan panggilan papa, daddy, abi, abuya, walid sebagai panggilan gantian untuk bapa atau ayah; dan panggilan *auntie* dan *uncle* bagi mak long dan pak long; dan *grandpa* dan *grandma* bagi panggilan datuk dan nenek. Bagaimanakah agaknya perasaan individu yang dipanggil *baby* atau *boy* setelah dewasa, masihkah panggilan tersebut dikekalkan atau mungkin menimbulkan rasa malu kerana panggilan tersebut bukan sahaja mengelirukan orang lain malahan menimbulkan konflik dalam diri individu tersebut.

Pantang Larang

Masyarakat Melayu mempunyai pantang larang yang tersendiri, terutamanya apabila generasi muda berinteraksi dengan generasi yang lebih tua dalam keluarga sendiri. Pantang dalam masyarakat Melayu, jika generasi muda memanggil generasi tua dengan panggilan nama sahaja, apatah lagi kepada ibu atau bapa, pangkat ibu atau bapa saudara baik sebelah ibu mahupun sebelah bapa; lebih-lebih lagi kepada datuk dan nenek. Anak muda akan dianggap kurang ajar dan tidak bersopan santun dan berbudi bahasa jika tidak menggunakan nama panggilan keluarga. Senario ini amat berbeza dengan keluarga di Barat yang memanggil nama sahaja yang menunjukkan kemesraan dalam kalangan keluarga mereka. Dalam beberapa hal, Barat dan Timur tidak dapat disatukan kerana kedua-duanya mempunyai sistem kehidupan dan budaya yang amat berbeza. Statistik menunjukkan bahawa

dalam senario pemodenan dan globalisasi, sistem KPKM bagi adik-beradik masih boleh dimaafkan tetapi tidak kepada generasi tua dalam keluarga yang terdekat. Peratusan yang relatif kecil ini tidak harus dibiarkan kerana dari peratus yang kecil boleh bertambah menjadi besar dan boleh menghapuskan sistem KPKM pada suatu masa kelak.

KESIMPULAN

Daripada penyelidikan terhadap 1500 responden pelajar tahun satu Universiti Kebangsaan Malaysia didapati bahawa penggunaan kata panggilan dalam keluarga Melayu telah mula cair dan semakin pudar. Panggilan kepada ibu dan bapa masih kekal penggunaannya tetapi panggilan kepada adik-beradik telah jauh menyimpang. Panggilan yang kerap digunakan ialah abang, kakak atau adik sahaja yang digunakan bagi menggantikan kata panggilan warisan. Antara sebab utama yang dapat difikirkan ialah pengaruh kehidupan yang semakin moden dan inginkan kebebasan daripada belunggu kehidupan tradisional. Sikap sedemikianlah yang menyebabkan terhakisnya satu ciri budaya berbahasa orang Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 2000. "Bahasa, Pemikiran, dan Survival Bangsa Melayu" dlm. *Kolokium Bahasa Pemikiran Melayu dan Indonesia 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alisjahbana, S. Takdir, 1974. *Language Planning for Modernization: The Case of Indonesian and Malaysia*. The Hague: Mouton.
- Kamus Dewan, 1976, Edisi Baru, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Fazli Ibrahim, 1999. "Amerikanisasi dan Masa Depan Budaya Tempatan" dlm. *Dewan Budaya* (11) November, hlm. 54-5.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2001. "Masa dan Masyarakat Melayu" dlm. *Dewan Bahasa*. (11), hlm. 48-54.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1998. "Bahasa, Sosialisasi dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori Relevans" dlm. *Dewan Bahasa*. (42), hlm. 1084-93.
- Noriah Muhammad, 2000. "Kesan Globalisasi terhadap Bahasa", kertas kerja *Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia ke-2*. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Siregar, Ahmad Samin, 2000. "Pemakaian Bahasa Melayu Sebagai Gambaran Budaya dan Cara Berfikir Masyarakat Melayu Sumatera Timur" dlm. *Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu dan Indonesia 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Syed Husin Ali, 1996. "Tamadun Berbahasa Menjelang 2020" dlm. *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Teo Kok Seong, 2001. "Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi" dlm. *Dewan Bahasa*. (1), hlm. 12–19.

